

05 SEP 2002

MAHATHIR-OTHMAN/I

DR MAHATHIR SAHKAN DR OTHMAN BUKAN LAGI PENERUSI EKSEKUTIF MDC

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah telah meletak jawatan sebagai pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) atas sebab-sebab kesihatan.

"Beliau bukan lagi pengerusi eksekutif, tetapi beliau masih dengan MDC," katanya kepada pemberita pada akhir hari pertama mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) di sini.

Tanggungjawab Dr Othman akan dikurangkan dan orang lain akan dilantik menggantinya, kata Dr Mahathir. Pengganti Dr Othman akan diumumkan kemudian, tambahnya.

Ditanya alasan yang diberikan Dr Othman untuk melepaskan jawatan, Dr Mahathir menjawab: "Beliau tidak sihat."

MDC merupakan badan yang bertanggungjawab menyelia perkembangan MSC, satu kawasan seluas 750 kilometer persegi ke Selatan Kuala Lumpur yang dijadikan pusat pembangunan perkhidmatan dan produk multimedia.

Awal hari ini, Dr Othman memberitahu pemberita bahawa beliau akan berkhidmat dengan MDC dalam kapasiti bukan eksekutif.

Sementara itu, tentang mesyuarat IAP-MSC hari ini, Dr Mahathir berkata para peserta membincangkan enam topik iaitu bagaimana hendak merapatkan jurang digital, pasca keusahawanan dot com, sistem sumber terbuka, keselamatan dan jenayah siber, memerangi kandungan merbahaya di internet dan kuasa maklumat.

"Saya dapati pendapat yang diberikan oleh anggota IAP amat berguna bagi kita. Mereka memberikan pendapat dan nasihat serta pelbagai idea yang akan menolong kita memajukan lagi MSC," katanya.

Mesyuarat tiga hari ini dihadiri 14 anggota IAP dan 12 wakil yang terdiri dari pemain utama dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi.

Ia berakhir Sabtu ini. -- BERNAMA

MAM MAD FR JR